



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya**
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

PERASMIAN *HIKING TRAIL* DI TAMAN RIMBA ALAM, PRESINT 15, PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 15 Julai 2023 – Presiden Perbadanan Putrajaya, YBhg. Dato' TPr. Fadlun Bin Mak Ujud merasmikan laluan jelajah (*hiking trail*) bertempat di Taman Rimba Alam, Presint 15, Putrajaya. Turut hadir adalah Naib-Naib Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Pengarah-Pengarah dan kakitangan Perbadanan Putrajaya.

Taman Rimba Alam terletak di antara Presint 14 dan 15 di bahagian timur Putrajaya, yang menempatkan kepelbagaian spesies hutan hujan tropika (sebahagian besar hutan adalah dari spesies pokok hutan tanah pamah dipterokap). Taman ini berkonsepkan hutan bandar dengan menggabungkan ekosistem hutan tropika, sungai yang mengalir, denai alam semula jadi, kawasan pemandangan dan sebagainya. Terdapat lebih 400 spesies pokok hutan tebal ditanam di taman ini dan jumlah penanamannya melebihi 95,000 pokok. Pelbagai aktiviti rekreasi boleh dilakukan di taman ini seperti berjoging, *brisk walk*, berbasikal, *treasure hunt*, *orienteering*, lawatan berpandu, aktiviti memerhati burung, berkelah dan aktiviti penghayatan alam semulajadi. Tempahan sewaan tapak bagi penganjuran program dan aktiviti turut dibuka kepada orang ramai.

Terdapat empat (4) laluan jelajah yang telah disediakan kepada pengunjung di Taman Rimba Alam. Pengunjung yang melalui laluan tersebut akan dapat menghayati keindahan pelbagai spesies pokok-pokok hutan hujan tropikal yang terdiri daripada hutan cengal, hutan meranti merah dan hutan buah-buahan asli tempatan. Walau bagaimanapun, satu laluan baharu berkonsepkan *hiking* denai semulajadi dibangunkan bagi membolehkan pengunjung terutama pada mereka yang mengemari aktiviti *hiking* merasai pengalaman baharu semasa menjejaki kawasan denai, pokok-pokok hutan, kawasan arboretum dan kawasan tadahan air.

Laluan jelajah (*hiking trail*) yang baru dibangunkan ini sesuai untuk pelbagai peringkat umur yang sukakan pengalaman suasana hutan dan ianya juga sesuai bagi mereka yang baru menceburi aktiviti *hiking* memandangkan jaraknya yang sederhana iaitu 1.5 km dan tahap kesukaran yang sederhana. Pengunjung bukan sahaja dapat menghayati suasana hutan hujan tropikal malah mereka juga diberi pendedahan dengan nama-nama pokok hutan hujan tropikal dari pelbagai spesies yang terdapat di taman tersebut.

Antara kemudahan yang disediakan di taman ini kepada pengunjung adalah pavillion sebagai tempat berkumpul, tandas awam, kemudahan tempat letak kereta, tong sampah, papan tanda informasi, peta laluan, tempat duduk dan sebagainya.



(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)

Pengarah Komunikasi Korporat

b.p. Presiden

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 15 Julai 2023

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564